

20 FEB 1996

Mahathir-Razaleigh

UMNO TAK SEDIA "PERMAIDANI MERAH" UNTUK KU LI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak perlu menjemput Tengku Razaleigh Hamzah untuk menyertai semula Umno kerana Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu boleh membuat keputusannya sendiri.

"Tak payahlah saya jemput...dia boleh fikir," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Tengku Razaleigh baru-baru ini bahawa beliau menunggu "jemputan" Dr Mahathir sebelum membuat sebarang keputusan untuk kembali ke Umno.

Bercakap kepada pemberita di majlis rumah terbuka Hari Raya di kediaman rasminya "Sri Perdana" di sini, Dr Mahathir berkata Umno tidak akan menyediakan "permaidani merah" kepada Tengku Razaleigh, bekas Bendahari Agung Umno untuk menyertai semula parti itu.

Ketika bercakap kepada pemberita di Kota Baharu pada 10 Feb lepas, Tengku Razaleigh berkata beliau sedia menimbang jika Dr Mahathir sendiri mempelawanya menyertai semula Umno.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berkata beliau akan mengkaji dulu cadangan itu (jemputan itu) sama ada "ikhlas atau tidak".

Tengku Razaleigh dilaporkan sebagai berkata "Saya tidak mahu cakap benda-benda yang tak berlaku. Kalau (Dr) Mahathir cakap, saya akan timbang. Saya nak tengok macam mana cadangannya itu,".

Razaleigh juga menegaskan beliau tidak akan menyekat anggota-anggota S46 yang ingin menyertai Umno.

Berikutan kenyataannya, beberapa pemimpin Umno membidas Tengku Razaleigh kerana beliau tidak sepatutnya menunggu tawaran khas daripada Presiden Umno sekiranya beliau benar-benar ikhlas dan mahu berjuang dalam Umno.

Dr Mahathir berkata jika Tengku Razaleigh ingin menyertai semula Umno, beliau boleh berbuat demikian.

"Kita sudah kata Umno hak semua orang Melayu asalkan mereka terima prinsip perjuangan Umno," kata beliau.

Kata Perdana Menteri, seseorang itu boleh menyertai Umno "tanpa dijemput" jika dia sanggup menerima prinsip perjuangan Umno.

Ketika ditanya sama ada beliau akan memulakan usaha bagi Tengku Razaleigh menyertai Umno, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu tentang sebarang usaha...Saya banyak kerja (dan) saya tak initiate (mengusahakan) apa-apa lagi."

Mengenai khabar angin bahawa Tengku Razaleigh telah berjumpa dengan Dr Mahathir, Perdana Menteri berkata ia tidak benar dan ia "tetap khabar angin".

Ditanya sama ada beliau sanggup berjumpa dengan Tengku Razaleigh, Dr Mahathir berkata: "Jumpa kita kena tahulah pasal apa." --BERNAMA

ES PR